

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PERBELANJAAN MARRIS**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon data dan perincian perbelanjaan dana MARRIS Selangor berbanding peruntukan MARRIS yang diberikan bagi tempoh 5 tahun.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah perbelanjaan sebenar dana MARRIS Selangor dari tahun 2015 hingga 30 Jun 2019 adalah berjumlah **RM2,937,872,070.90** berbanding jumlah terimaan sebanyak **RM2,272,519,081.83** iaitu bersamaan dengan **129.28%**. Perincian adalah seperti berikut:-

Tahun	Baki Awal (1 Jan) (RM)	Terimaan Tahun Semasa (RM)	Jumlah Wang MARRIS	Perbelanjaan Sebenar Tahun Semasa (RM)	% Belanja VS Terimaan Tahun Semasa
2015	752,953,997.48	470,580,462.00	1,223,534,459.48	770,845,072.69	163.81%
2016	491,395,862.81	496,900,988.23	988,296,851.04	640,325,273.46	128.86%
2017	347,971,577.58	511,808,029.04	859,779,606.62	724,216,564.47	141.50%
2018	135,563,042.15	527,162,269.87	662,725,312.02	565,998,329.05	107.37%
2019*	106,953,479.46	266,067,332.79	373,020,812.25	236,486,831.23	88.89%
<b>Jumlah</b>	<b>1,834,837,959.48</b>	<b>2,272,519,081.83</b>	<b>4,107,357,041.41</b>	<b>2,937,872,070.90</b>	<b>129.28%</b>

**Jadual A : Data Dan Perincian Perbelanjaan Dana MARRIS Selangor  
Berbanding Peruntukan Bagi Tempoh 5 Tahun**

Nota \* : Pencapaian sehingga 30 Jun 2019

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PELABURAN LANGSUNG DALAM PROJEK SWASTA**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon data dan perincian pelaburan langsung Kerajaan Negeri dalam projek swasta dan kadar pulangannya.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri tiada melaksanakan pelaburan langsung dalam projek swasta.

**Sumber : Perbendaharaan Negeri Selangor**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMATUHI ALAM SEKITAR NEGERI  
SELANGOR DAPAT DIURUS DENGAN BAIK**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri melalui PBT atau agensi berkaitan, secara jangka pendek dan panjang merancang kaedah pelupusan sisa pepejal (sampah domestik) secara alami dan ekonomik selain sistem pelupusan di kawasan terbuka sedia ada ketika ini?
- b) Apakah usaha Kerajaan untuk mengelakkan isu pencemaran di Pasir Gudang tidak berlaku di Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan lagi usaha mengurangkan penggunaan plastik selain kempen beg plastik dan meningkatkan kadar mengitar semula sampah?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA SEKSYEN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN (SPBT), UPEN**

a) & c)

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

- b) Bagi mengelakkan isu pencemaran di Pasir Gudang tidak berlaku di Selangor, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:-
  - i. Menjalankan penguatkuasaan secara berkala ke atas industri-industri di Selangor oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan pematuhan secara berterusan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan mengambil tindakan segera ke atas setiap aduan pencemaran alam sekitar yang diterima. Sehingga 19 Julai 2019, JAS telah menjalankan sebanyak 903 pemeriksaan daripada 11927 premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di seluruh Negeri Selangor. Daripada pemeriksaan tersebut, sejumlah 320 tawaran kompaun telah dikeluarkan ke atas premis-premis yang gagal mematuhi Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. JAS juga telah menyediakan 81 kertas siasatan bagi diambil tindakan mahkamah atas

pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sehingga Jun 2019, jumlah denda mahkamah yang telah dikenakan terhadap industri berjumlah RM 1,792,000.00.

- ii. Selain itu, JAS juga telah memperkenalkan konsep pematuhan sendiri oleh industri melalui konsep *Guided Self Regulations* (GSR) dengan menekankan kepada 7 elemen *Environmental Mainstreaming Tools* (EMT) yang merupakan satu inisiatif JAS kepada pihak industri supaya sentiasa mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada sepanjang masa walaupun tanpa penguatkuasaan berkala oleh JAS. Pelaporan data pematuhan secara atas talian (*online*) juga telah diperkenalkan sebagai salah satu pendekatan pematuhan sendiri kepada pihak industri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENGURUSAN RUMAH BERTINGKAT KOS RENDAH**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas Skim Ceria, adakah Kerajaan telah ada perancangan atau bersedia untuk melaksanakan program serupa bagi membantu meningkatkan tahap kehidupan rakyat yang tinggal di rumah-rumah bertingkat (strata) kos rendah?
- b) Selain dari program Skim Ceria, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memperuntukkan sedikit bantuan kewangan untuk JMB yang mengalami masalah kutipan yuran penyelenggaraan bagi membantu penyelenggaraan kawasan JMB?

**JAWAPAN:**

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri masih meneruskan Skim CERIA untuk membantu penduduk pangsapuri kos rendah dapat menikmati kemudahan komuniti yang berkualiti untuk kesejahteraan kehidupan.
- b) Kerajaan Negeri mendapati faktor utama permasalahan di pangsapuri kerana kegagalan JMB/MC menguruskan kutipan, perbelanjaan dan mengawal vandalisme. Oleh itu, Sistem Pengurusan Kewangan Negeri Selangor sedang dibangunkan sebagai medium *one stop centre* untuk JMB/MC melaporkan pengurusan kewangan dengan mudah kepada LPHS dan COB, PBT. Laporan ini dapat menganalisa kemampuan kewangan JMB/MC untuk diberi khidmat nasihat yang berkaitan bagi memantapkan pengurusan kewangan JMB/MC terutama pengurusan kutipan berdasarkan bulan semasa dan perbelanjaan mencukupi bagi 5 aspek utama iaitu pembersihan, *mechanical & electrical, sivil & structure*, pentadbiran dan keselamatan.

Untuk memastikan pemberdayaan JMB/MC agar tidak bergantung secara berterusan kepada Kerajaan Negeri, pada tahun ini duplikasi dua Projek K-Inovasi sedang dilaksanakan melibatkan 20 kawasan pangsapuri seperti berikut:

- i) Pusat Kitar Strata  
Pusat pengumpulan sampah yang boleh dikitar semula yang diuruskan oleh JMB/MC. JMB/MC akan membayar penduduk secara kupon. Kupon tersebut boleh dikontra untuk membayar caj atau membeli barangan di kedai mini yang berdekatan. Tempoh jangka hayat kupon

hanya 3 bulan sahaja bagi menggalakkan pemilik melunaskan tunggakan caj dengan segera. Impak dari projek ini adalah seperti berikut:

- Menambah pendapatan JMB/MC.
- Memupuk budaya bersih sehingga peringkat kanak-kanak.
- Meningkatkan kebersihan.
- Meningkatkan kutipan caj (bayaran secara kupon luput tempoh 3 bulan).
- Penjimatan kos penyenggaraan.
- Mengurangkan pembuangan sampah bukan domestik di tempat sampah domestik.
- Memupuk budaya keusahawan di kalangan anak-anak pangsapuri.

ii) E-Pay Komuniti

Pusat perkhidmatan pembayaran setempat di pejabat JMB/MC melalui mesin pembayaran elektronik E-Pay melibatkan 60 jenis produk dan perkhidmatan seperti pembayaran bil air, bil elektrik, bil Astro, tambah nilai prabayar telefon dan lain-lain. Impak dari projek ini adalah seperti berikut:

- Menambah pendapatan JMB/MC.
- Memberi nilai tambah perkhidmatan JMB/MC kepada komuniti.
- Mengeratkan hubungan JMB dan komuniti melalui kaedah bersemuka.

Projek duplikasi K-Inovasi ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa dan diteruskan kepada pangsapuri kos rendah yang lain pada tahun-tahun akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : LAPOR JALAN ROSAK MELALUI WAZE**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah status terkini kejayaan sistem lapor jalan rosak melalui aplikasi Waze?
- b) Nyatakan jumlah aduan diterima, jumlah aduan selesai dan tempoh masa penyelesaian.

**JAWAPAN:**

- a) Di antara kejayaan Sistem Laporan Jalan Rosak adalah seperti berikut:
  1. Digunakan oleh kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor termasuk 9 JKR Daerah.
  2. Penerimaan orang awam untuk membuat pelaporan melalui waze adalah amat menggalakkan dengan purata pelaporan setiap bulan sekitar 532 pelaporan.
  3. Jumlah pelaporan yang diterima sepanjang tahun 2019 bermula 01 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 3,194 pelaporan telah disahkan. Secara puratanya, sebanyak 532 pelaporan telah disahkan dalam masa sebulan.
  4. Kecekapan tindakan yang diambil bagi setiap pelaporan baharu sebanyak 80%. Manakala kecekapan penyelesaian laporan yang sah yang telah diselesaikan dalam bulan yang sama adalah melebihi 85%.
- b) Sepanjang tahun 2019 iaitu 01 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019, jumlah pelaporan adalah amat menggalakkan dengan purata setiap bulan sekitar 532 pelaporan yang telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Secara puratanya organisasi yang bertanggungjawab dapat menyelesaikan lebih 85% dalam bulan yang sama. Peningkatan purata kecekapan menyelesaikan pelaporan sebanyak 7% berbanding tahun lepas.

Pecahan pelaporan adalah seperti berikut:

**JALAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

<b>BIL.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>PELAPORAN YANG SAH &amp; BELUM DITAMPAL</b>	<b>SELESAI DITAMPAL</b>
1.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	160	379
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam	48	176
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	141	284
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	8	72
5.	Majlis Perbandaran Selayang	0	96
6.	Majlis Perbandaran Klang	20	308
7.	Majlis Perbandaran Kajang	74	224
8.	Majlis Perbandaran Sepang	0	19
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	0	2
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	0	53
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	0	6
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>451</b>	<b>1619</b>

**JALAN JKR PERSEKUTUAN**

<b>BIL.</b>	<b>JKR PERSEKUTUAN</b>	<b>PELAPORAN YANG SAH &amp; BELUM DITAMPAL</b>	<b>SELESAI DITAMPAL</b>
1.	Gombak	0	38
2.	Hulu Langat	0	240
3.	Hulu Selangor	0	2
4.	Kuala Langat	0	9
5.	Klang	31	12
6.	Kuala Selangor	0	69
7.	Petaling	8	0
8.	Sabak Bernam	0	4
9.	Selangor	0	186
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>39</b>	<b>560</b>

**JALAN JKR NEGERI**

<b>BIL.</b>	<b>JKR NEGERI</b>	<b>PELAPORAN YANG SAH &amp; BELUM DITAMPAL</b>	<b>SELESAI DITAMPAL</b>
1.	Gombak	63	103
2.	Hulu Langat	10	70
3.	Hulu Selangor	0	2
4.	Kuala Langat	0	29
5.	Klang	31	1
6.	Kuala Selangor	0	176



<b>BIL.</b>	<b>JKR NEGERI</b>	<b>PELAPORAN YANG SAH &amp; BELUM DITAMPAL</b>	<b>SELESAI DITAMPAL</b>
7.	Petaling	2	0
8.	Sabak Bernam	3	3
9.	Sepang	0	32
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>109</b>	<b>416</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : HUB PENDIDIKAN**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Merujuk Strategi Pertama - Memacu Pembangunan Negeri Selangor - Gugusan Pendidikan (Selatan), adakah telah terdapat rancangan pembangunan infrastruktur pendidikan seperti yang dirancang?
- b) Hub Pendidikan Teratai mencadangkan agar dibangunkan infrastruktur pendidikan seperti kolej-kolej kemahiran melalui pelaburan kerajaan atau swasta bagi memenuhi keperluan masyarakat kawasan bandar seperti Ampang Jaya.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti beberapa aspek dalam pembangunan yang holistik di gugusan pendidikan. Sehingga kini, satu jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan dalam usaha mengenal pasti keutamaan dalam memastikan gugusan pendidikan mencapai matlamatnya. Antara langkah awal telah diambil ialah kajian awal mengenai keperluan di Gugusan Pendidikan untuk menyediakan satu ekosistem pendidikan yang menyeluruh dan sistematik.
- b) Kerajaan Negeri menerima baik cadangan di atas dan dalam masa yang sama Kerajaan Negeri sedang dalam proses penyediaan ekosistem pendidikan yang merangkumi semua aspek dan memberi impak kepada penduduk setempat. Walau bagaimana kerjasama daripada institusi pendidikan dan kolej kemahiran yang sedia ada di gugusan tersebut akan diperkasakan dan disinergikan secara bersama dan memberi impak kepada pembangunan sumber manusia dan ekonomi di kawasan tersebut. Oleh itu, dengan penglibatan semua pihak Kerajaan Negeri berharap usaha untuk memartabatkan Gugusan Pendidikan mencapai objektifnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : SMART SELANGOR BUS**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peruntukan telah disalurkan bagi membina perhentian bas Smart Selangor? Sudah ada berapa perhentian bas ini sudah siap dibina?
- b) Mohon senaraikan jumlah laluan yang telah diluluskan oleh Stanco Pengangkutan Bandar Selangor mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan sehingga Jun 2019 dan jumlah perjalanan dan jumlah penumpang Smart Selangor Bus mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan dari bulan Januari 2019 hingga Jun 2019.
- c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan jumlah penumpang?

**JAWAPAN:**

- a) Pembinaan hentian bas Smart Selangor merupakan projek hentian bas pintar telah dilaksanakan oleh pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) sebanyak 10 unit di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan status kemajuan projek ini adalah seperti berikut:
  - (1) 9 unit telah disiap dibina dan dipindahkan ke tapak lokasi iaitu:
    - (i) 2 unit di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah beroperasi sepenuhnya dan dilancarkan pada 1 April 2019;
    - (ii) 3 unit di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Kajang sudah boleh digunakan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada penghujung Julai 2019; dan
    - (iii) 4 unit di kawasan Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Daerah Kuala Selangor sedang dalam penyiapan fasa akhir serta kerja-kerja melibatkan bekalan sumber elektrik dan infra Wifi Smart Selangor.
  - (2) 1 unit di kawasan Majlis Daerah Kuala Langat akan mula dipindahkan ke lokasi pada minggu kedua Ogos 2019.

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi pembinaan perhentian bas Smart Selangor adalah sebanyak **RM1,938,250.00**.

- b) Peruntukan tahunan Bas Smart Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor (STANCO) bagi tahun 2019 digunakan untuk membiayai kos laluan sedia ada Bas Smart Selangor dan lapan (8) laluan baru tahun 2018 yang tidak dapat disalurkan pada tahun tersebut, manakala pelaksanaan laluan baru 2019 adalah di bawah tanggungan PBT menggunakan peruntukan sendiri. Bagi tempoh sehingga Jun 2019, hanya dua PBT yang membentangkan cadangan laluan baru iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Sepang, namun cadangan-cadangan tersebut perlu dikaji semula serta mendapatkan ulasan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) selaku pengawalselia pengangkutan awam yang mengeluarkan permit kebenaran laluan sebelum syarikat operator yang dilantik beroperasi.

Maklumat berkaitan jumlah perjalanan dan jumlah penumpang Bas Smart Selangor bagi tempoh Januari 2019 hingga Jun 2019 mengikut PBT adalah seperti berikut:-

***Jumlah Perjalanan dan Jumlah Penumpang Bas Smart Selangor Bagi Tempoh Januari 2019 hingga Jun 2019***

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Jumlah Perjalanan</b>	<b>Jumlah Penumpang</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	99,351	1,537,119
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	69,940	1,367,784
3.	Majlis Perbandaran Klang	20,823	961,806
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	35,706	862,020
5.	Majlis Perbandaran Kajang	24,597	845,337
6.	Majlis Perbandaran Selayang	23,101	860,409
7.	Majlis Perbandaran Sepang	19,004	350,402
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	6,335	199,770
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	5,792	186,661
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	6,878	111,940
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	8,607	142,339
<b>JUMLAH</b>		<b>320,134</b>	<b>7,425,587</b>

- c) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mempertingkatkan promosi dan hebahan kepada rakyat berhubung perkhidmatan Bas Smart Selangor samada menerusi edaran brosur, *banner* dan *bunting* kepada orang awam dan di laluan serta hentian bas, hebahan di

laman web PBT termasuk menyediakan infrastruktur pengangkutan awam seperti hentian bas dan *pole* di sepanjang laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor dalam. Urusan promosi dan hebahan yang dijalankan oleh PBT adalah secara berterusan termasuk mengadakan kempen menaiki pengangkutan awam dan aktiviti-aktiviti bersama pelajar sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah rumah ibadat bukan Islam (tanpa berdaftar) lebih banyak berbanding dengan rumah ibadat bukan Islam (berdaftar) dalam Negeri Selangor?
- b) Bolehkah menyenaraikan jumlah rumah ibadat bukan Islam berdaftar dan tidak berdaftar dalam pentadbiran MPAJ serta tahun pembinaan?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, terdapat banyak rumah ibadat selain Islam yang tidak berdaftar/ telah dibina tanpa memohon kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri serta tidak mengikut tatacara pembinaan rumah ibadat. Berdasarkan inventori yang dijalankan oleh pihak PBT pada tahun 2017, sebanyak 790 buah rumah ibadat selain Islam yang berdaftar berbanding 1,043 buah yang tidak berdaftar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam pada ketika ini giat membincangkan dan menyelesaikan isu rumah ibadat selain Islam yang tidak berdaftar serta menjadi pemudahcara dalam isu perpindahan dan isu-isu berkait mengenai hal ehwal selain Islam. Pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan permohonan tanah bagi tujuan rumah ibadat selain Islam mengikut tatacara yang telah diperuntukkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang diadakan lebih daripada enam (6) kali setahun secara purata bagi tempoh tahun 2013 - 2018. Pertimbangan ini akan mengambil kira pelbagai aspek terutama isu-isu teknikal dan maklumbalas yang diperolehi daripada jabatan dan agensi yang berkaitan.

- b) Jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam yang tidak berdaftar dalam pentadbiran MPAJ ialah 337 unit dan dibina sebelum tahun 2014. Manakala, Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar sehingga tahun 2014 adalah seperti berikut :

<b>RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM</b>	<b>BILANGAN</b>
Tokong	3
Kuil	1
Gereja	2
Gudwara	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : NYATAKAN KEBERKESANAN/IMPAK PROGRAM JOM *SHOPPING***

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan bagi memastikan tiada penerima yang sama setiap tahun?
- b) Jika ada, apakah langkah-langkah akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri berkenaan isu seperti di atas?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program Jom *Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan diberikan baucar untuk pembelian barangan keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM8.4 juta dan sasaran tahunan seramai 84,000 orang penerima manfaat.

Bagi memastikan Program *Jom Shopping* dilaksanakan dengan baik dan teratur, Kerajaan Negeri melalui Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah bekerjasama dengan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) untuk membangunkan Sistem Jom *Shopping* Perayaan sejak tahun 2013. Oleh yang demikian bermula pada tahun 2013 sehingga kini, sistem ini merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan maklumat penerima manfaat disimpan dengan baik, lengkap dan tersusun di dalam satu pangkalan data.

Maklumat-maklumat penerima manfaat yang telah dikenalpasti layak dan memenuhi syarat-syarat kelayakan ini akan didaftarkan ke dalam Sistem Jom *Shopping* oleh petugas Pusat Khidmat DUN masing-masing. Maklumat-maklumat ini merangkumi nama, nombor kad pengenalan, umur, alamat,

jantina, kaum, status perkahwinan, nombor telefon, jumlah pendapatan seisi rumah, maklumat pasangan dan nombor kupon.

Dengan adanya sistem ini, pihak petugas Pusat Khidmat DUN dapat mengenalpasti penerima-penerima manfaat baharu yang tidak pernah mendapat bantuan melalui program ini serta memastikan sendiri tiada penerima manfaat yang sama atau berulang pada setiap tahun berdasarkan maklumat-maklumat sedia ada yang telah didaftarkan di dalam sistem. Ini kerana sistem ini akan memaparkan data penerima-penerima yang pernah menerima bantuan Jom *Shopping* sejak tahun 2012 sehingga kini sekiranya petugas Pusat Khidmat DUN melakukan carian nama atau nombor kad pengenalan mereka.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : ISU-ISU PROJEK TERBENGKALAI, PERTUKARAN KEGUNAAN  
TANAH DAN TANAH KERAJAAN**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua tanah industri di daerah Hulu Langat yang telah ditukar kegunaan daripada industri kepada kegunaan lain. Sila beri nama pemilik, saiz tanah, jenis kegunaan baru dan premium tanah yang dibayar.
- b) Senaraikan bilangan, lokasi dan saiz tanah kerajaan dan tanah kosong yang masih ada di dalam DUN Teratai.
- c) Senaraikan projek-projek terbengkalai, status, tindakan semasa dan anggaran penyelesaian dalam Pentadbiran MPAJ.

**JAWAPAN:**

- a) Hasil siasatan pihak PDTHL dapati **TIADA** tanah industri di Daerah Hulu Langat yang telah ditukar kegunaan daripada industri kepada kegunaan lain.
- b) Berikut merupakan tanah rizab kawasan lapang dan hijau serta tanah kerajaan di dalam DUN Teratai:

Bil.	Jumlah	Lokasi	Luas (ekar)	Status
1.	28	Kampung Tasek Tambahan & Kampung Tasek Permai	42.57	Rizab Kawasan Lapang/ Hijau
2.	22	Pandan Perdana	23.15	
3.	11	Taman Bukit Segar	32.48	
4.	1	Kampung Bukit Sungai Puteh	4.9	Tanah Kerajaan

- c) Senarai projek-projek terbengkalai di MPAJ adalah seperti berikut :

**1. Perumahan : 6 projek**

- i. Cadangan Projek Perumahan Taman Kencana 3 Untuk Membina **47 Unit Rumah Link 2 Tingkat** Di Atas Lot 38123-Lot 38129 (Pt 17366-Pt17372), Lot 38131-Lot 38144 (Pt 17361-Pt 17373) Dan Lot 38145-Lot 38170 (Pt 17360-Pt 16991), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

- ii. Cadangan Membina 1 Blok **Pangsapuri Kos Sederhana Rendah (PkSr) 11 Tingkat** Yang Mengandungi **120 Unit** Dengan Kemudahan Awam Seperti Surau, Tadika Dan Dewan Serbaguna Serta Tempat Letak Kereta Di Tingkat Basemen, Di Atas Lot 648, 649, 824 Dan 821, Kampung Pasir, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
- iii. Cadangan Membina 1 Blok **Pangsapuri Kos Sederhana (Pks) 8 Tkt** Yang Mengandungi **60 Unit** Dengan Kemudahan Awam Seperti Surau, Tadika Dan Dewan Serbaguna, Berserta 2 Unit Pencawang Elektrik Di Atas Lot 648, 649, 824 Dan 821, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor.
- iv. Cadangan Membina Dan Menyiapkan Perumahan 3 Blok 17 Tingkat Kos Sederhana Rendah (**1020 Unit**) Termasuk Sebuah Surau, Sebuah Tadika, Sebuah Bilik Ict, 4 Buah Kedai Serbaguna, Sebuah Rumah Sampah Dan Sebuah Bangunan Tempat Letak Kereta Setinggi 7 Tingkat (3 Tingkat Di Aras Basement) Dan Kolam Renang Serta Bilik Persalinan Lelaki Dan Perempuan Di Aras Bumbung Di Atas Sebahagian Tanah Seluas 76 Ekar (Fasa 2), Di Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
- v. Cadangan Membina Semula **27 Unit Kilang Teres** Dan Sebuah Pencawang Elektrik "Double Chamber" Sub Lot 37434-37442, Jalan Tasek Tambahan 2, Kg. Tasek Tambahan, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor.
- vi. Cadangan Membina Dan Menyiapkan Blok Pembangunan Campuran Berparcel Dua (2) Fasa Yang Mengandung I:-

Parcel 1 - Perdagangan 'Axis Atrium'(Fasa 1 & Fasa 2)

1 Tingkat Tempat Letak Kereta (Fasa 2 Aras Basemen)  
 3 Tingkat Lot Perdagangan  
 Fasa 1 (Aras Bawah & Aras 1)  
 Fasa 2 (Aras Bawah Tanah Dan Aras 2)  
 4 Tingkat Tempat Letak Kereta (Aras 2-Aras 5)  
 1 Unit Pencawang Elektrik

Parcel 2 - Pangsapuri Servis 'Axis Residence (Fasa 1)

3 Tingkat Tempat Letak Kereta (Aras 2-Aras 5)  
 2 Tingkat Pangsapuri Duplex (Aras Bawah-Aras 8)  
 24 Tingkat Pangsapuri Servis (Aras 9-Aras 32)  
 1 Tingkat Kawasan Rekreasi (Aras 33)

Parcel 3 - Pangsapuri Servis 'Axis Tower'(Fasa 2)  
4 Tingkat Tempat Letak Kereta (Aras 6- Aras 9)  
30 Tingkat Pangsapuri Servis (Aras 10- Aras 39)  
1 Tingkat Kawasan Rekreasi (Aras 9a Dan Aras 40)  
Di Atas Lot 27985 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan (Pt 12345),  
Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

## **2. Tindakan semasa dan anggaran tempoh penyelesaian**

Pihak MPAJ akan mengemukakan laporan status projek terbengkalai kepada pihak Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor dan KPKT. Pihak MPAJ dan agensi teknikal akan membantu dari segi penyelarasan tindakan bagi menyelesaikan isu berkaitan.

Tiada anggaran tempoh penyelesaian di pihak MPAJ memandangkan projek tersebut adalah dibawah tindakan pihak pemaju atau pelidukasi yang dilantik dan pihak MPAJ akan memberikan kerjasama apa-apa yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : JOM SHOPPING**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan agihan dan nilai Program Jom *Shopping*?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program Jom *Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Program ini bermatlamat meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Melalui program ini, setiap keluarga yang kurang berkemampuan berpeluang membuat pembelian barangan keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Peruntukan tahunan adalah berjumlah RM8.4 juta dengan sasaran penerima seramai 84,000 orang.

Bermula dari tahun 2012 sehingga kini, nilai setiap unit baucar bantuan adalah kekal pada kadar RM100 setiap satu. Namun begitu, dari segi agihan baucar pula bermula pada tahun 2019, terdapat penambahbaikan dilakukan dimana pembahagian dilaksanakan mengikut kepada statistik pengundi berdaftar mengikut bangsa di setiap DUN yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Kaedah ini telah membantu dalam mengenalpasti DUN yang mempunyai jumlah pengundi yang tertinggi mahupun yang terendah mengikut bangsa dan memudahkan proses pembahagian baucar bagi Program Bantuan Baucar Sempena Perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali.

Justeru itu, cadangan untuk meningkatkan agihan dan menaikkan nilai setiap baucar ini dijangka akan melibatkan implikasi kos yang lebih tinggi dan ianya perlu diteliti dengan lebih terperinci khususnya dalam melihat impak dan kesan pelaksanaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : SKIM SMUE DAN TAWAS**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bilangan penerima mengikut DUN dan status program SMUE bagi bulan Jun sehingga sekarang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri masih meneruskan pembayaran manfaat khairat kematian SMUE bagi yang sudah membuat penghantaran tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sehingga 31 Mei 2019. Urusan pembayaran khairat kematian akan diteruskan lagi sehingga selesai, selewat-lewatnya sehingga 31 Disember 2019. Selepas tarikh itu tiada lagi pembayaran akan dibuat.

Program Jom Shopping SMUE dijangka akan bermula pada bulan Oktober 2019. Bilangan penerima mengikut DUN dan status program SMUE bagi bulan Jun sehingga 18 Julai 2019 adalah seperti berikut:-

<b>NAMA DUN</b>	<b>JUMLAH</b>
BALAKONG	34
BANDAR BARU KLANG	33
BANDAR UTAMA	9
BANTING	11
BATANG KALI	2
BATU TIGA	10
BUKIT ANTARABANGSA	16
BUKIT GASING	8
BUKIT LANJAN	7
DUSUN TUA	4
GOMBAK SETIA	2
HULU BERNAM	5
HULU KELANG	8
JERAM	2
KAJANG	8
KAMPUNG TUNKU	28
KINRARA	3
KOTA ANGGERIK	11
KOTA DAMANSARA	1
KOTA KEMUNING	7
KUALA KUBU BAHARU	7
KUANG	3

<b>NAMA DUN</b>	<b>JUMLAH</b>
LEMBAH JAYA	4
MERU	11
MORIB	4
PANDAMARAN	17
PANDAN INDAH	3
PAYA JARAS	6
PELABUHAN KLANG	8
RAWANG	3
SABAK	8
SEKINCHAN	1
SELAT KLANG	16
SEMENTA	14
SEMENYIH	24
SENTOSA	12
SERI KEMBANGAN	7
SERI SERDANG	5
SERI SETIA	35
SIJANGKANG	2
SUBANG JAYA	6
SUNGAI KANDIS	21
SUNGAI PANJANG	10
SUNGAI RAMAL	9
SUNGAI TUA	5
TAMAN MEDAN	12
TAMAN TEMPLER	2
TANJUNG SEPAT	16
TERATAI	10
WPKL – BANDAR TUN RAZAK	14
WPKL – BUKIT BINTANG	3
WPKL – CHERAS	1
WPKL – LEMBAH PANTAI	2
WPKL – SEGAMBUT	1
WPKL – SEPUTEH	3
WPKL - TITIWANGSA	1
<b>JUMLAH</b>	<b>515</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : NOTIS 7A KANUN TANAH NEGARA**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon PTGS dan setiap pejabat tanah menyenaraikan bilangan Notis 7A yang telah dikeluarkan pada tahun 2018 akibat pelanggaran syarat nyata guna tanah dan status terkini untuk setiap notis yang dikeluarkan pada masa sekarang.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Notis 7A yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di seluruh Negeri Selangor bagi tahun 2018 adalah sebanyak **63**. Jumlah tindakan yang telah diambil pula sebanyak **50**, manakala jumlah yang masih dalam tindakan adalah sebanyak **38**.

Jadual di bawah adalah pecahan maklumat Notis 7A mengikut daerah di Negeri Selangor bagi tahun 2018:

PEJABAT DAERAH DAN TANAH	NOTIS 7A (LANGGAR SYARAT)		
	JUMLAH NOTIS	JUMLAH TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL	JUMLAH YANG MASIH DALAM TINDAKAN
KLANG	19	-	38
PETALING	10	10	-
KUALA SELANGOR	5	5	-
SABAK BERNAM	1	1	-
GOMBAK	9	9	-
HULU SELANGOR	-	-	-
SEPANG	1	1	-
HULU LANGAT	9	15	-
KUALA LANGAT	9	9	-
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>50</b>	<b>38</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : AHLI LEMBAGA PELESENAN EKSAIS**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Ahli Lembaga Perlesenan Eksais di setiap Pejabat Tanah dan Daerah serta prosedur, tempoh pelantikan, tarikh tamat pelantikan setiap ahli, gaji dan elaun yang dibayar kepada setiap seorang Ahli Lembaga.

**JAWAPAN:**

- a) Tiada prosedur yang khusus dan seragam bagi pelantikan Ahli Lembaga Perlesenan Eksais di setiap Pejabat Daerah dan Tanah berdasarkan Akta Eksais 1976 (Akta 176). Namun kebanyakan Pejabat Daerah dan Tanah menggunakan kaedah pelantikan yang hampir sama. Secara umumnya prosedur pelantikan adalah seperti berikut:
- i. Pelantikan ahli baharu bagi Ahli Lembaga Pelesenan Eksais adalah melalui pemilihan mana-mana Ahli NGO/ pesara yang sukarela untuk menjadi Ahli Lembaga Pelesenan Eksais yang terdiri di kalangan ahli profesional dan berkelayakan setaraf dengannya;
  - ii. Cadangan calon-calon akan dipertimbangkan dan disyor oleh Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais untuk diangkat kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor bagi tujuan kelulusan dan pelantikan dan seterusnya pewartaan; dan
  - iii. Surat lantikan Ahli Lembaga Pelesenan Eksais dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing

Senarai tempoh pelantikan, tarikh tamat pelantikan setiap ahli, gaji dan elaun yang dibayar kepada setiap seorang Ahli Lembaga adalah seperti di **Lampiran A**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PANGSAPURI PERKHIDMATAN**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan apartmen atau pangsapuri perkhidmatan yang diluluskan permohonan Kebenaran Merancangnya di setiap PBT selepas pelaksanaan garis panduan Dasar Pembangunan Pangsapuri Kediaman Komersial tahun 2016 melalui Pekeliling LPHS Bil. 2 Tahun 2016 dengan nombor rujukan LPHS/BL/7/00/11(20).

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah merangka garis panduan Dasar Pembangunan Pangsapuri Kediaman Komersial Tahun 2016. Dasar tersebut telah diluluskan pada 1 September 2016. LPHS hanyalah sebagai salah satu Jabatan Teknikal yang terlibat dalam memberikan ulasan Kebenaran Merancang (KM) bagi sesuatu permohonan pangsapuri perkhidmatan. LPHS tidak mempunyai rekod bilangan apartment atau pangsapuri perkhidmatan yang diluluskan KM di setiap PBT. Namun begitu, LPHS hanya dapat membekalkan maklumat ulasan KM yang telah dikeluarkan oleh LPHS mengikut PBT dari tahun 2016 hingga tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod LPHS, terdapat sebanyak 52,776 unit pangsapuri perkhidmatan harga bebas dan Mampu Milik yang dicadangkan oleh pemaju dari tahun 2016 hingga tahun 2019.

- i. Perincian pecahan bilangan Pangsapuri Perkhidmatan adalah seperti berikut :

*Jadual 1 : Bilangan Keseluruhan Unit Pangsapuri Perkhidmatan Dari Tahun 2016 Hingga Tahun 2019 (Jan-Jun 2019)*

<b>Perkara</b>	<b>Tahun 2016 (Unit)</b>	<b>Tahun 2017 (Unit)</b>	<b>Tahun 2018 (Unit)</b>	<b>Tahun 2019 (Jan – Julai) (Unit)</b>	<b>Jumlah Keseluruhan (Unit)</b>
Pangsapuri Perkhidmatan Bebas	1,015	9,115	19,582	12,791	42,503

<b>Perkara</b>	<b>Tahun 2016 (Unit)</b>	<b>Tahun 2017 (Unit)</b>	<b>Tahun 2018 (Unit)</b>	<b>Tahun 2019 (Jan – Julai) (Unit)</b>	<b>Jumlah Keseluruhan (Unit)</b>
Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik	374	2,321	4,474	3,104	10,273
<b>Jumlah</b>	<b>1,389</b>	<b>11,436</b>	<b>24,056</b>	<b>15,895</b>	<b>52,776</b>

- ii. Pecahan bilangan apartment atau pangsapuri perkhidmatan mengikut tahun 2016 hingga tahun 2019 (ulasan KM) dan PBT adalah seperti berikut :

*Jadual 2 : Bilangan Unit Pangsapuri Perkhidmatan Tahun 2016*

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Bebas</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
1.	MBPJ	390	254	644
2.	MPSp	625	121	746
<b>Jumlah</b>		<b>1,015</b>	<b>374</b>	<b>1,390</b>

*Jadual 3 : Bilangan Unit Pangsapuri Perkhidmatan Tahun 2017*

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Bebas</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
1.	MBSA	320	36	356
2.	MPK	460	84	544
3.	MDKL	416	90	506
4.	MPS	2,921	674	3,595
5.	MPKj	2,868	971	3,839
6.	MPSp	2,130	466	2,596
<b>Jumlah</b>		<b>9,115</b>	<b>2,321</b>	<b>11,436</b>

*Jadual 4 : Bilangan Unit Pangsapuri Perkhidmatan Tahun 2018*

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Bebas</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
1.	MBSA	575	246	821
2.	MBPJ	1,718	554	2,272
3.	MPSJ	3,113	1,043	4,156
4.	MPAJ	740	291	1,031
5.	MPS	1,358	288	1,638
6.	MPKj	1,446	534	1,980
7.	MDKS	1,292	200	1,492
8.	MDKL	826	146	972
9.	MPSp	8,514	1,172	9,686
<b>Jumlah</b>		<b>19,582</b>	<b>4,474</b>	<b>24,056</b>

*Jadual 5 : Bilangan Unit Pangsapuri Perkhidmatan Tahun 2019  
(Jan-Jun 2019)*

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Bebas</b>	<b>Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
1.	MBPJ	1,274	266	1,540
2.	MPSJ	4,156	1,150	5,306
3.	MPAJ	408	100	508
4.	MPK	1,180	172	1,352
5.	MPKj	1,851	599	2,450
6.	MDKS	97	11	108
7.	MPSp	3,825	806	4,631
<b>Jumlah</b>		<b>12,791</b>	<b>3,104</b>	<b>15,895</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENYELIA PEBT**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah butiran terperinci kegunaan peruntukan penyelia PeBT masing-masing untuk setiap satu zon Ahli Majlis MDKL bermula 1 Jan hingga 30 Jun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Butiran terperinci adalah seperti di **Lampiran B**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI LANGAT**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kualiti dan tahap pencemaran Sungai Langat khususnya bahagian di Daerah Kuala Langat dan apakah punca-punca pencemaran?

**JAWAPAN:**

- a) Pencemaran sungai merupakan isu yang kerap kali berulang dan ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air. Berdasarkan laporan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor Bil1/2019, kualiti air Sungai Langat adalah pada 76 iaitu Sederhana Tercemar. Antara punca pencemaran yang dikenalpasti di Sungai Langat adalah terdiri daripada punca tetap seperti industri dan loji kumbahan awam dan swasta. Manakala bagi punca tidak tetap seperti aktiviti pertanian, kerja tanah tanpa kawalan dan lain-lain. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah kawalan seperti berikut:
- i) Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Klang yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
  - ii) Pemantauan dan pelaksanaan Polisi dan Strategi dalam Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Langat melalui Jawatankuasa Pemantauan Pelan IRBM Sungai Langat terutama bagi aspek meningkatkan kualiti air;
  - iii) Melaksanakan dan mengemaskini serta tindakan bersepadu inventori punca pencemaran dan guna tanah di rizab sungai dalam Negeri Selangor seperti di Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang;
  - iv) Menjalankan pemantauan statik dan pensampelan berkala di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan kekeruhan di Sungai Sub dan Sungai Michu, Hulu Langat akibat daripada aktiviti pembangunan/ kerja tanah tidak terkawal;

- v) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air secara telemetri di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pada tahun 2018, pembangunan stesen di Sungai Langat telah siap sepenuhnya;
- vi) Menguatkuasa dan menjalankan pemantauan kawalan pencemaran melalui Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 dan Peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012;
- vii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara; dan
- viii) Meningkatkan pengambilan dan kompetensi kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : ORANG BESAR DAERAH**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kesemua Orang Besar Daerah (OBD) di setiap daerah, tempoh pelantikan serta cara-cara pelantikan dan kriteria-kriteria yang akan dipertimbangkan dalam pelantikan. Apakah gaji dan elaun yang dibayar?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai Orang-Orang Besar Daerah Negeri Selangor seperti berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>NAMA &amp; GELARAN</b>
1.	Y.D.H. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Sabak Bernam
2.	Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak
3.	Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang
4.	Y.D.M. Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang
5.	Y.D.H. Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Kuala Selangor
6.	Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling
7.	Y.D.H. Dato' Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat
8.	Y.D.M. Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Kuala Langat
9.	Y.D.M. Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor

Pelantikan dan keistimewaan/ kemudahan bagi Orang Besar Daerah adalah seperti berikut:-

1. Pelantikan Orang Besar Daerah

- 1.1. Pelantikan dan pemilihan Orang Besar Daerah (OBD) adalah atas perkenan dan budi bicara Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M.) Sultan Selangor setelah berunding dengan Dewan di-Raja Selangor mengikut Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor, 1959.

- 1.2. Tempoh lantikan seseorang OBD adalah mengikut budi bicara D.Y.M.M. Sultan dan boleh dilanjutkan dengan perkenan Baginda.
- 1.3. OBD adalah Wakil D.Y.M.M. Sultan di dalam setiap daerah di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, setiap OBD hendaklah sentiasa bekerjasama di antara Pegawai Daerah, Pegawai-pegawai Kerajaan di daerah dan kerap mengadakan mesyuarat serta rundingan dalam setiap perkara demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat D.Y.M.M. Sultan.
- 1.4. Setiap OBD juga perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berlaku di daerah khususnya yang berkaitan dengan bencana, permasalahan kaum dan agama, ajaran sesat dan lain-lain yang difikirkan perlu dimaklumkan kepada D.Y.M.M. Sultan.

## 2. Keistimewaan dan kemudahan Orang Besar Daerah

Setiap OBD diberi elaun tetap seperti yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu RM4,914.00 sebulan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : RIZAB TUNAI MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak *surplus* atau defisit perbelanjaan serta rizab tunai untuk Majlis Daerah Kuala Langat untuk tahun 2017, 2018 dan sehingga 30 Jun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah *surplus* atau defisit perbelanjaan serta rizab tunai untuk Majlis Daerah Kuala Langat untuk tahun 2017, 2018 dan sehingga 30 Jun 2019.

	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>30/6/2019</b>
	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
Pendapatan	72,002,775	80,748,871	41,351,087
(Tolak) Perbelanjaan	54,707,406	67,166,899	41,696,433
Lebihan/ Kurangan	<u>17,295,369</u>	<u>13,581,972</u>	<u>(345,346)</u>
Rezab	38,999,532	28,273,177	28,800,605

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PROSEDUR MERIZABKAN TANAH KERAJAAN UNTUK TUJUAN AWAM**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan merizabkan tanah kerajaan untuk maksud awam di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara seperti untuk sekolah, balai bomba, balai polis dan klinik kesihatan?

**JAWAPAN:**

- a) Proses perizaban perlu mematuhi Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) berpandukan kepada Manual Kanun Tanah Negara 1965. Permohonan perizaban akan melalui empat (4) proses iaitu :

1. Terima permohonan dan penyediaan kertas ringkasan di Pejabat Daerah dan Tanah.
2. Permohonan perlu diangkat kepada PTG Selangor untuk mendapatkan kelulusan YAB Dato' Menteri Besar.
3. Permohonan perlu memenuhi proses ukur oleh mana-mana jurukur atau Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk pengeluaran Pelan Akui.
4. Permohonan diangkat semula untuk kelulusan YAB Dato' menteri Besar bagi tujuan persetujuan siar warta.

Tempoh proses perizaban tanah dianggarkan mengambil masa selama 180 hari. **Carta Alir Proses Perizaban Tanah seperti di Lampiran A**